



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Terengganu,
Terengganu, Malaysia
Web : www.umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI

Tel : 09-668 4100/ 4111/ 4226/ 4227
Faks : 09-668 4217

Rujukan kami : UMT/BEND/100 – 4/8 Jld. 1 (12)
Tarikh : 30 Disember 2015
Bersamaan : 19 Rabiulawal 1437H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Terengganu

Y. Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 6 TAHUN 2015

KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN PERUBATAN (RME) UNTUK ORANG AWAM DAN PELAJAR BAHARU DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1. TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan memaklumkan kadar bayaran bagi perkhidmatan pemeriksaan perubatan (RME) oleh Pusat Kesihatan Universiti (PKU), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kepada orang awam dan pelajar baharu UMT.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Perkhidmatan pemeriksaan perubatan kepada orang awam dan pelajar baharu UMT merupakan salah satu program penjanaan pendapatan sejajar dengan hasrat universiti dalam usaha meningkatkan pendapatan universiti.

2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK), UMT kali ke-32 Bil. 4 Tahun 2015 pada 20 November 2015 telah meluluskan kadar

bayaran bagi caj perkhidmatan pemeriksaan perubatan yang dibuat di PKU.

- 2.2 Terdapat tiga (3) kategori pemeriksaan perubatan ini (RME), iaitu :
- i) pemeriksaan fizikal, ujian makmal dan X-Ray dada pelajar baharu;
 - ii) pemeriksaan fizikal, ujian makmal dan X-Ray dada orang awam; dan
 - iii) pemeriksaan *pre-employment* dan lain-lain.

3. KADAR CAJ

3.1 Melalui minit 5/32/2015, Mesyuarat JKTK, UMT telah menetapkan:

- i) kadar caj perkhidmatan RME yang ditawarkan adalah sepertimana Jadual berikut :

Bil.	Aktiviti	Kadar Caj (RM)
1	Pemeriksaan RME pelajar baharu	80.00
2	Pemeriksaan RME orang awam	80.00
3	Pemeriksaan RME <i>pre-employment</i> dan lain-lain	120.00

Jadual 1 : Caj Perkhidmatan RME oleh PKU, UMT

- ii) Kadar ini adalah termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST);
- iii) bayaran pemeriksaan RME pelajar baharu akan dicaj melalui bayaran yuran pelajar baharu;
- iv) bayaran pemeriksaan RME bagi orang awam dan *pre-employment* hendaklah dibuat di Kaunter PKU; dan
- v) agihan keuntungan adalah 70% universiti dan 30% Tabung Amanah Pusat Kesihatan.

4. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh kelulusan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,



(NOR AZIZAH BINTI KASIM)

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri)

SENARAI EDARAN

1. Pendaftar, Pejabat Pendaftar
2. Ketua Pustakawan, Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
3. Pengarah, Pusat Pembangunan dan Harta
4. Penasihat Undang-Undang
5. Dekan, Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan
6. Dekan, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur
7. Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
8. Dekan, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
9. Dekan, Pusat Pengajian Sains Asas
10. Dekan, Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
11. Dekan, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan
12. Dekan, Pusat Pendidikan Asas dan Liberal
13. Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
14. Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran
15. Pengarah, Institut Akuakultur Tropika
16. Pengarah, Institut Bioteknologi Marin
17. Pengarah, Institut Penyelidikan Kenyir
18. Pengarah, Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik
19. Pengarah, Pusat Pengajian Siswazah
20. Pengarah, Pusat Bakat dan Inovasi Akademik
21. Pengarah, Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat
22. Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
23. Pengarah, Makmal Berpusat
24. Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti
25. Pengarah, Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri
26. Pengarah Pusat Kebudayaan dan Kesenian
27. Pengarah, Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar
28. Pengarah, Pusat Keusahawanan dan Kerjaya
29. Pemangku Pengarah, Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris
30. Pengetua Kolej Siswa
31. Pengarah, Pusat Sukan dan Rekreasi
32. Pengarah, Pusat Komunikasi Strategik Putrajaya
33. Pengarah, Penerbit UMT
34. Pengarah, Pusat Antarabangsa
35. Pengarah, Pusat Islam Sultan Mahmud
36. Ketua Bahagian Audit Dalam
37. Ketua Bahagian Pentadbiran HEPA dan Alumni
38. Ketua Pentadbiran Canselori